

PERKEMBANGAN PERKAMUSAN MELAYU: SUATU ANALISIS DARI SUDUT TIPOLOGI FORMAL¹

Ibrahim Ahmad

Abstrak

Mengikuti klasifikasi kamus yang berasaskan fitur formalnya, perkembangan perkamusan Melayu² sudah dapat menyaingi tradisi perkamusan Barat. Jika dilihat daripada jenis kamus yang disusun, sudah ada kamus besar, kamus edisi ringkas, kamus saku dan sebagainya yang diterbitkan. Metabahasa kamus yang disusun sudah mencakup aspek umum dan khusus. Rata-rata kamus yang disusun mengikut abjad dan ada juga yang disusun mengikut kaedah tematik. Sejak kamus Pigafetta dicetak buat pertama kalinya pada abad ke-15, kamus Melayu mengalami transformasi sehingga muncul beberapa kamus yang dihasilkan dalam bentuk elektronik dan multimedia seperti *Kamus Komputer Telapak Besta DBP-1*. Penampilan kamus yang disusun ada yang bertujuan untuk pengekodan dan penyahkodan, bergantung pada golongan sasarannya. Malah setiap daftar kata atau kamus yang disusun mempunyai kategori maklumat tersendiri yang membezakannya daripada genre yang lain. Apa yang paling signifikan dalam tradisi penyusunan kamus di alam Melayu ialah kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa objek untuk kamus yang dihasilkan sama ada dalam bentuk ekabahasa, dwibahasa atau pelbagai bahasa. Semua ini meletakkan perkamusan Melayu seiring dengan perkembangan perkamusan di Barat.

-
- 1 Artikel ini asalnya ialah kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Leksikografi sempena Pelancaran Kamus Bahasa Melayu Nusantara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Negara Brunei Darussalam pada 27 Mac 2004.
 - 2 Perkamusan Melayu yang dimaksudkan dalam kajian ini hanya terbatas dalam lingkungan perkembangan perkamusan Melayu Malaysia.

Abstract

The classification of dictionaries based on formal features indicate that the development of Malay dictionaries is on a par with the western dictionaries tradition. Several types of dictionaries had been published such as comprehensive dictionaries, abridged dictionaries edition and pocket size dictionaries. The metalanguage of the dictionaries encompassing general and specialized aspects. Most of the dictionaries are compiled in alphabetical or thematic order. Since Pigafetta dictionary printed in the 15th century, the Malay dictionaries encountered transformation with the existence of the multimedia and the electronic dictionary such as Kamus Komputer Telapak Besta DBP-1. The dictionaries compilation are to cater for the codifying and decoding purposes, depend on the dictionaries users. Each of the dictionary compiled have their own information category which differ from other genre. The most significance in the world of Malay dictionaries tradition is the capability of the Malay language as an object language either in monolingual, bilingual or multilingual. This contributed in elevating the Malay dictionaries tradition which is on a par with the western dictionaries development.

PENDAHULUAN

Tradisi perkamusan Melayu mencipta sejarah tersendiri yang tidak terpisah daripada sejarah perkamusan dunia. Sehingga kini, ratusan kamus telah diterbitkan dan mekanisme penyusunan juga mengalami perubahan. Kamus bukan sahaja seperti genre lain yang dapat ditatap dalam bentuk bercetak malah boleh dilayar melalui internet dengan kecanggihan konsep e-kamus, multimedia dan sebagainya. Itulah realitinya pada hari ini apabila kepesatan dalam bidang teknologi maklumat juga mempengaruhi kegiatan penyusunan kamus.

Tulisan ini cuba menelusuri perkembangan perkamusan Melayu di Malaysia dari perspektif tipologi kamus. Tujuannya adalah untuk melihat senario sebenar ruang lingkup perkamusan Melayu sama ada sudah mencapai tahap yang diinginkan dalam proses memartabatkan leksikografi Melayu di pentas dunia. Kajian tentang leksikografi Melayu atau pada disiplin ilmunya disebut metaleksikografi mula bercambah sejak dekad 1990-an. Salah satu bidang yang agak baru dan belum menjadi tumpuan ialah aspek tipologi kamus. Tipologi kamus yang menjadi subdisiplin metaleksikografi dianggap penting untuk menelusuri kemajuan dan pencapaian kamus-kamus Melayu sebagai satu aktiviti kodifikasi bahasa.

Kerangka Teori

Hartmann (1972:243) berpendapat bahawa tipologi bahasa bermaksud pengelompokan bahasa berdasarkan ciri-ciri fonologi, tatabahasa atau leksikal untuk menentukan jenisnya yang lepas daripada perkembangan sejarah. Terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan sebelum ini tentang tipologi kamus. Yang pertama adalah yang berasaskan tipologi fungsional. Tipologi kamus tidak semestinya berasaskan ciri-ciri sesebuah kamus, malah berasaskan, maklumat linguistik yang dimuatkan di dalam kamus. Matore (dlm. Bejoint, 2000:36) membezakan kamus kuantitatif yang direka bentuk untuk orang ramai yang memerlukan apa-apa maklumat yang cepat dan superfisial serta kamus kualitatif untuk orang ramai yang memerlukan apa-apa maklumat yang tepat dalam sesuatu bahasa. Hartmann (1987) berpendapat bahawa kayu ukur untuk mengklasifikasikan kamus tidak lagi berasaskan tanggapan penyusunnya, tetapi lebih kepada tujuan untuk faedah kumpulan pengguna yang berbeza. Yang kedua adalah yang berasaskan tipologi genetik. Tipologi ini diperkenalkan oleh Rey (1977) berasaskan pemilihan susunan kronologi yang ditentukan oleh penyusun kamus apabila mereka bentuk dan menyusun sesebuah kamus. Pandangan ini sama seperti kajian Sebeok (1962) seperti yang berikut:

- sama ada untuk melakar berdasarkan data korpus atau intuisi editor.
- sama ada untuk menggunakan kata atau unit nahu sebagai leksem asas.
- sama ada untuk memasukkan keseluruhan kosa kata atau bahagian tertentu daripadanya.
- sama ada untuk menyusun entri mengikut abjad atau secara tematik.
- sama ada untuk menumpukan perhatian kepada maklumat linguistik atau ensiklopedik.
- sama ada untuk menyediakan petikan atau contoh yang dibuat.

Yang ketiga adalah yang berasaskan tipologi morfologi. Ini merupakan kaedah yang paling mudah untuk mengkategorikan kamus dengan cara membuat taksonomi mengikut ciri formalnya. Tokoh-tokoh yang pernah melakukan kajian seperti ini ialah Scherba (1940), Yakov Malkiel (1959), dan Hausmann (1989). Tulisan ini akan menggunakan kaedah ini walaupun agak mustahil untuk mengklasifikasikan kamus mengikut tipologi tertentu yang boleh memenuhi semua golongan masyarakat pengguna. Seperti kata Bejoint (2000:37), "*Dictionaries come in more varieties than can ever be classified in a simple taxonomy.*" Namun untuk tujuan penulisan artikel ini, kerangka tipologi Hartmann dijadikan sandaran untuk melihat perkembangan

perkamusan Melayu dari sudut formalnya. Tipologi kamus dari sudut formalnya dilihat berasaskan bentuk atau kandungan (Hartmann, 2001:69). Tipologi ini mempunyai persamaan dengan tipologi morfologi tetapi mempunyai pembetulan yang lebih padat berbanding dengan tipologi sebelumnya. Dimensi tipologi kamus dilihat berdasarkan fitur formalnya seperti yang berikut:

- a. Jenis kamus berdasarkan saiz (kamus besar, kamus ringkas, kamus saku).
- b. Cakupan (sama ada umum atau khusus).
- c. Format (sama ada mengikut abjad atau secara tematik).
- d. Medium (sama ada bercetak atau dalam medium elektronik).
- e. Kefungsionalan (sama ada bersifat aktif atau pasif).
- f. Kategori maklumat (kamus).
- g. Bahasa (ekabahasa, dwibahasa, pelbagai bahasa).

Tipologi ini menjadi acuan penulis untuk melihat perkembangan perkamusan Melayu sehingga hari ini. Kajian ini akan menggunakan gabungan disiplin kualitatif dan kuantitatif dalam menelusuri perkembangan perkamusan Melayu berdasarkan ciri formalnya. Ada kalanya pembicaraan perkamusan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan perkamusan Indonesia kerana kedua-dua negara pernah berkongsi sejarah yang sama, terutama dari segi data korpusnya.

Jenis Kamus/Saiz Kamus

Analisis kajian bermula dengan melihat jenis atau saiz kamus yang diterbitkan. Untuk menentukan jenis kamus yang dihasilkan, Malkiel (1975:3–24) mengukurnya dari segi jumlah entri seperti kamus besar, kamus sederhana, dan kamus kecil. Ada juga yang melihatnya dari sudut saiz kamus seperti kamus mini, kamus ringkas, dan kamus saku (Asmah Haji Omar, 1990: 10).

Bil.	Jenis Kamus	Contoh Kamus
1.	Kamus Besar	<i>Kamus Besar BM Utusan (1995)</i>
2.	Kamus Edisi Ringkas	<i>Kamus Inggeris Melayu Dewan Edisi Ringkas (1997)</i>
3.	Kamus Saku	<i>Pelanduk Pocket Malay Dictionary (1989)</i> <i>Kamus Saku (1957)</i> <i>An Abridged Malay-English Dictionary (1908)</i>
4.	Kamus Kecil	<i>Kamus Kecil (18?)</i>

Sepanjang tradisi penyusunan kamus Melayu, terdapat pelbagai jenis dan saiz kamus yang dihasilkan. Sudah ada beberapa buah kamus edisi ringkas (*abridge*) diterbitkan. Begitu juga dengan beberapa buah kamus yang dilihat dari segi saiznya seperti bersaiz saku dan bersaiz kecil. Namun apa yang menarik ialah jenis kamus yang menggunakan konsep kamus besar. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (KBBMU), susunan Zainal Abidin Safarwan boleh dianggap sebagai sebuah kamus besar jika dilihat dari segi jumlah entrinya (100 ribu entri). Walau bagaimanapun, timbul perdebatan tentang metabahasa³ kamus tersebut jika dibandingkan dengan kamus-kamus besar lain di dunia seperti *Oxford English Dictionary* dan *Webster's New International Dictionary of the English Language*. Apa pun, sudah terdapat inisiatif awal ke arah penyusunan sebuah kamus besar bahasa Melayu, meskipun semacam wujud pengertian longgar tentang konsep kamus besar yang sebenarnya yang cuba diterapkan di dalam *KBBMU*.

Cakupan (Umum atau Khusus)

Kamus yang bercirikan cakupan umum memuat seluruh unit leksikal sesuatu bahasa. Hartmann dan James (1998:61) berpendapat bahawa kamus untuk tujuan umum merupakan jenis karya rujukan yang berfungsi untuk menyediakan pemerian komprehensif secara menyeluruh sesuatu bahasa, dengan perhatian khusus kepada kosa kata. Struktur mikro umum kamus ini digambarkan dapat memberikan program lengkap tentang segala maklumat pada setiap entri, termasuklah sekurang-kurangnya huraian makna atau umumnya disebut sebagai definisi; termasuk kelas kata, contoh, kolokasi, etimologi, sebutan, ungkapan, sinonim, ilustrasi dan sebagainya. Antara contoh kamus umum ialah *Kamus Dewan* (1970) dan *Kamus Melayu Global* (1996).

Kamus umum (ekabahasa) dicirikan oleh:

- a. Hanya menggunakan satu bahasa sebagai bahasa objek dan sebagai wahana pemerian.
- b. Daftar kata umum, sama ada bersifat linguistik atau bercampur dengan disiplin lain.
- c. Program struktur mikro umum, sekurang-kurangnya memberikan makna pada setiap kata entri.

3 Metabahasa ialah bahasa yang digunakan untuk memerian butir leksikal bahasa objek dalam kamus. Metabahasa merangkumi konvensi leksikografi seperti kod tatabahasa, pelabelan, penggunaan kata dan persembahan definisi.

Kamus khusus mendukung suatu jujuk dalam disiplin leksikon yang merentas suatu spektrum ilmu yang cukup luas. Jika kamus umum memaparkan satuan unit leksikal yang wujud dalam sesuatu bahasa, maka kamus khusus memilih satu dimensi daripada keseluruhan unit leksikal yang ada. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kamus yang menjurus kepada satu aspek bahasa disebut sebagai “*special purpose dictionary*” atau “*restricted (or special) dictionary*”. Prinsip penyusunan kamus khusus bertujuan untuk memenuhi keperluan pelbagai pengguna sasaran yang berlainan latar belakang ilmu dan keprofesionalan untuk mengkaji dan mendalami sesuatu bidang ilmu. Maka peranan kamus khusus yang paling penting adalah untuk membantu perhubungan antara orang yang bergiat dalam bidang tertentu dengan orang yang berada di luar bidang tersebut supaya dapat membantu mereka menguasai sesuatu bidang ilmu secara mendalam.

Antara jenis kamus yang dianggap sebagai kamus khusus adalah seperti kamus dialek/sukuan misalnya, *Kamus Iban Bahasa Malaysia* susunan Hussein Jamil *et al.*, pada tahun 1989, kamus ungkapan seperti *Kamus Ungkapan Baru* susunan Mohd. Janan Ahmad pada tahun 1970, kamus peribahasa *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* susunan Abdullah Hussain pada tahun 1975 (edisi pertama) dan 1989 (edisi kedua), kamus singkatan/akronim seperti *Kamus Singkatan/Akronim* susunan A. Merzer Bruyns pada tahun 1970, dan kamus songsang seperti *Kamus Kebalikan Dewan* pada tahun 1995.

Di samping itu, kamus istilah, iaitu kamus yang hanya memuat kata-kata yang menjadi istilah dalam bidang ilmu atau lapangan tertentu, termasuk dalam kategori kamus khusus. Ini seperti *Kamus Istilah Sains Am* pada tahun 1988, *Kamus Fizik: Mekanik* pada tahun 1989, *Kamus Biologi: Fisiologi* pada tahun 1990, *Kamus Perubatan* pada tahun 1991, *Kamus Komputer* pada tahun 1994 dan *Kamus Linguistik* pada tahun 1997, dan beberapa buah kamus istilah dalam rangka kerja MABBIM.

Format (Mengikut Abjad atau Secara Tematik)

Dalam susunan kamus konvensional, rata-rata kamus yang disusun mengikut abjad. Ada pandangan yang mengatakan bahawa susunan kamus bersinonim dengan susunan abjad. Tetapi ada juga karya rujukan yang disusun secara tematik. Jika konsep mengikut abjad berlandaskan kerangka kronologi A-Z secara mengufuk, kaedah tematik pula adalah sebaliknya. Kaedah tematik tidak terikat dengan susunan secara kronologi abjad A-Z, tetapi lebih berdasarkan topik dan pengelompokan domainnya. Terdapat pandangan yang

berbeza tentang kamus yang disusun secara abjad atau tematik. Bagi Jackson (2002:146), “*A more serious disadvantage of alphabetical ordering is the perspective that it presents on the vocabulary as a whole. It presents an atomic view of the vocabulary, treating word in isolation, the headword with its entry, and making few of the connections that exist between words*”. Kamus yang disusun secara tematik dapat menerobos ke dalam struktur kosa kata yang tidak dapat dilakukan oleh kamus yang disusun mengikut abjad. Apa pun, sehingga kini, ratusan kamus yang dihasilkan masih mengikut susunan abjad kerana kaedah ini merupakan kaedah terbaik untuk mencapai maklumat seperti yang diinginkan oleh pengguna kamus. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kamus-kamus yang ada di pasaran yang sebahagian besarnya berpegang pada konsep penyusunan mengikut abjad. Ada juga kamus yang disusun secara tematik seperti *Kamus Tematik* (Perancis-Inggeris-Melayu) susunan Choi Kim Yok pada tahun 1999.

Medium (Bercetak atau Elektronik)

Jika kamus Latin susunan Giovanni Balbi dikenal sebagai kamus pertama yang dicetak di dunia pada tahun 1460, 65 tahun kemudian, kosa kata Melayu susunan Pigafetta pula dicetak buat pertama kali (Collins, 2001:24). Tradisi kamus yang berada di pasaran sememangnya dalam bentuk bercetak. Namun, dalam era teknologi maklumat, kamus berbentuk elektronik mula masuk ke pasaran. Ini seperti inisiatif yang diambil oleh DBP yang telah menjalinkan kerjasama dengan dua buah syarikat tempatan untuk menghasilkan kamus elektronik mudah alih berbahasa Melayu yang pertama, iaitu *Kamus Komputer Telapak Besta DBP-1* dan *Kamus Pena Quicktionary* pada tahun 2000. Usaha seumpama ini diperluas apabila sudah ada e-kamus dan kamus-kamus dalam bentuk multimedia terbitan DBP seperti *Kamus Pelajar* dan *Kamus Dwibahasa*.

Kefungsionalan (Aktif atau Pasif)

Dalam aktiviti linguistik, terdapat empat aktiviti teras, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Aktiviti membaca dan mendengar merupakan aktiviti menyahkod pasif, dan kegiatan menulis dan bertutur disebut aktiviti mengekod aktif. Keempat-empat aktiviti ini mempengaruhi jenis kamus yang disusun, sehingga timbul pandangan di kalangan penyusun dan peneliti kamus untuk merekonstruksikan suatu kaedah umum dalam penyusunan kamus mengikut

jenis kamus dan golongan sasarannya. Timbullah konsep kamus aktif dan kamus pasif yang dipelopori oleh Scherba (1940), al-Kasimi (1977), Kromann (1984), serta Hartmann dan James (1998). Mereka berpendapat bahawa sama ada dalam penyusunan kamus ekabahasa atau kamus dwibahasa, terdapat keperluan yang berbeza mengikut jenis penggunaannya. Ini dapat dilihat seperti yang berikut.

a. Kamus aktif yang direka bentuk untuk membantu tugas mengekod, seperti penghasilan sesuatu teks:

i. Kamus Ekabahasa

Kamus seperti ini menyediakan pilihan kosa kata untuk penulis, seperti maklumat tesaurus. Ini seperti *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*.

ii. Kamus Dwibahasa

B. Asing/B. Sumber	B. Ibunda/B. Sasaran	Pengguna	Contoh
B. Inggeris	B. Melayu	Penutur B2 menghasilkan teks bahasa sumber	KIMD (1992)
B. Perancis	B. Melayu	“	KPMD (1996)

B1 - Penutur Bahasa Pertama

B2 - Penutur Bahasa Kedua

Kamus dwibahasa seperti ini menyediakan maklumat terjemahan daripada bahasa ibunda kepada bahasa asing. Bahasa sumber merupakan bahasa entri penutur asli dan bahasa sasarannya merupakan bahasa untuk terjemahan dengan padanannya dalam bahasa asing. Dalam *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (KIMD), golongan pengguna sasarannya ialah penutur yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua yang diandaikan oleh penyusun, bukan sahaja terdidik dalam bahasa Inggeris tetapi juga mempunyai penguasaan asas dalam bahasa Melayu. Kamus ini direka bentuk sebagai alat praktis bagi penterjemahan dan membantu pengguna menggunakan bahasa Melayu dengan betul. *Kamus Perancis-Melayu Dewan* (KPMD) ditunjukkan kepada golongan sasaran bukan penutur asli bahasa Melayu yang menggunakan bahasa Perancis sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua. Penyusun mengandaikan pengguna kamus tersebut bukan sahaja terdidik dalam bahasa Perancis, tetapi juga mempunyai penguasaan asas dalam bahasa tersebut. Format kamus ini sama seperti

Kamus Inggeris-Melayu Dewan yang fungsinya lebih kepada aktiviti penterjemahan. Kesemua pola maklumat ini mempunyai ciri-ciri pengekodan untuk menghasilkan sesuatu teks lain.

b. Kamus pasif yang direka bentuk untuk membantu tugas mengenyahkod, seperti pemahaman sesuatu teks.

i. Kamus Ekabahasa

B. Ibunda/B. Sumber	B. Ibunda/B. Sasaran	Pengguna	Contoh
B. Melayu	B. Melayu	Penutur B1 memahami teks bahasa sasaran	KD (1970)
B. Melayu	B. Melayu	Penutur B1 memahami teks bahasa sumber	KUBMD (2006)

Dalam kamus ini, teks kamus tersebut dicirikan dengan penghuraian segala metabahasa sesuatu kata entri atau frasa entri yang dicerap oleh pengguna kamus sewaktu merujuk sesebuah kamus. Konsep kamus ini lebih kepada tujuan pemahaman untuk penutur asli bagi semua peringkat pembaca bahasa pertama. Misalnya *Kamus Dewan* ditujukan kepada golongan sasaran penutur asli bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Begitu juga dengan *Kamus Umum Bahasa Melayu Dewan* (KUBMD) yang ditujukan kepada golongan sasaran penutur asli bahasa Melayu dan bukan penutur asli yang diandaikan mempunyai pengetahuan asas bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kamus ini bercirikan kamus umum, tetapi bersifat dwifungsi untuk golongan pelajar dan masyarakat umum. Metabahasa kamus ini lebih bersifat deskriptif, bermaklumat dengan struktur kelas kata, sebutan, etimologi, nota pengguna, dan sebagainya serta mesra pengguna.

ii. Kamus Dwibahasa

B. Asing/B. Sumber	B. Ibunda/B. Sasaran	Pengguna	Contoh
B. Inggeris	B. Melayu	Penutur B1 memahami teks bahasa sasaran	K. Dwibahasa (1977)
B. Ibunda/B. Sumber	B. Asing/B. Sasaran	Pengguna	Contoh
B. Melayu	B. Inggeris	Penutur B2 memahami teks bahasa sumber	KMID (2006)

Konsep kamus dwibahasa untuk tujuan pemahaman lebih berupa tugas menerima seperti membaca teks bahasa asing atau menterjemahkannya

kepada bahasa asli. Misalnya dalam *Kamus Dwibahasa* terbitan DBP pada 1977, golongan sasarannya ialah penutur asli bahasa Melayu yang diandaikan mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang ingin memahami teks bahasa Inggeris. Kandungan *Kamus Dwibahasa* memuatkan lebih banyak maklumat kata entri. Metabahasa yang mewarnai struktur entrinya dicirikan dengan pelbagai maklumat makna, sebutan, kelas kata, serta maklumat tatabahasa yang secara khusus ditujukan kepada penutur asli bahasa Melayu sama ada untuk peringkat umum atau peringkat pelajar. Namun, dalam *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* yang sedang disusun, mempunyai golongan sasaran yang berbeza berbanding dengan *Kamus Dwibahasa* dan *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kamus ini ditujukan kepada golongan sasaran bukan penutur bahasa asli bahasa Melayu. Ini khususnya untuk golongan penutur bahasa kedua yang ingin memahami teks bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa sumber. Konsep kamus ini lebih berupa kamus pelajar dwibahasa dan dicirikan dengan metabahasa yang bersesuaian dengan format kamus pelajar sama ada dari sudut pemilihan kata entri, persembahan makna, pembentukan kata atau sebagainya.

Di samping itu, kewujudan pelbagai pola dalam kerangka kamus aktif dan kamus pasif dwibahasa tersebut menimbulkan polemik baru. Untuk manfaat golongan penutur bahasa pertama dan golongan penutur bahasa kedua, para ahli leksikografi dan ahli metaleksikografi menyarankan suatu kaedah yang difikirkan sesuai untuk menyelesaikan masalah rujukan bagi setiap golongan sasaran ini. Tomaszcyzk (1990) berpendapat bahawa “sifat rujukan yang berbeza ini memerlukan kamus tersebut diasosiasikan dengan kemahiran reseptif dan produktif supaya selesa kepada pengguna kamus yang mempunyai dua set kamus dwiarah (empat bahagian dalam satu) daripada dua set kamus ekaarah”.

Kategori Maklumat

Sebagai wadah kosa kata sesuatu bahasa, kamus harus memuatkan seluruh maklumat sama ada maklumat mikro atau maklumat makro bagi memenuhi fungsinya sebagai rujukan utama kosa kata. Semua jenis pembuktian linguistik terhidang kepada pekamus, termasuklah introspeksi, sumber rujukan yang sedia ada, soal selidik dan sedutan data korpus (sama ada dalam kad secara manual atau pangkalan data berkomputer).

Kategori maklumat merupakan salah satu daripada beberapa jenis maklumat yang dipersembahkan oleh penyusun kamus dan dirujuk oleh pengguna mengikut jenis karya rujukan. Terdapat lima maklumat penting yang disenarai-

kan oleh Hartmann & James (1998:74) sebagai kategori maklumat kamus, iaitu maklumat linguistik, maklumat bergambar, maklumat onomastik, maklumat ensiklopedik, dan maklumat-maklumat lain. Komponen yang amat penting dalam kategori maklumat kamus ialah maklumat linguistik. Maklumat linguistik termasuk sebagai suatu juzuk dalam kategori maklumat kamus. Maklumat linguistik merupakan istilah kolektif untuk kategori maklumat yang dipersembahkan oleh penyusun kamus dan dirujuk oleh pengguna, berasaskan bahasa (Hartmann & James, 1998:88). Jenis maklumat linguistik dalam kamus mungkin berupa maklumat diakronik (etimologi), sinkronik (ejaan, fonologi, nahu), maklumat pemerian (definisi, padanan), maklumat sintagmatik (contoh, kolokasi), maklumat paradigmatic (sinonim, antonim, homonimi) dan maklumat diasistematik (misalnya label penggunaan). Agihan, julat, status dan kualiti maklumat linguistik yang termasuk dalam karya rujukan berubah-ubah dan berbeza mengikut masyarakat penutur dan budayanya. Yang berikut ialah beberapa contoh kamus dengan status kemasukan maklumat linguistik:

N. Kamus	Etimologi	Ejaan	Sebutan	Nahu (kelas kata)	Definisi/padanan	Contoh/kolokasi	Sinonim/antonim	Label penggunaan
KD3 (1994)	-	+	+	-	+	+	+	+
K.Dwi (2002)	-	+	+	+	+	+	+	+
KIMD (1992)	-	+	-	+	+	+	+	+
K. Za'ba (2001)	-	+	-	-	+	+	+	+
K. Lengkap (1977)	-	+	-	-	+	+	+	+
K. Mel Global (1996)	-	+	-	-	+	+	+	+

Keterangan:

- KD3 – *Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994)*
 K. Dwi – *Kamus Dwibahasa (Inggeris –Melayu) Edisi Kedua (2002)*
 KIMD – *Kamus Inggeris Melayu Dewan (1992)*
 K. Za'ba – *Kamus Za'ba (2001)*
 K. Lengkap – *Kamus Lengkap (Melayu-Inggeris) (1977)*
 K. Mel Global – *Kamus Melayu Global (1994)*

Pada keseluruhannya, terdapat beberapa maklumat linguistik yang belum dimasukkan di dalam kamus-kamus yang diterbitkan, terutamanya dari aspek asal usul kata (etimologi), sistem sebutan di dalam kamus sama ada berdasarkan fonemik atau fonetik serta maklumat nahu. Pada waktu ini, penyusunan *Kamus Umum Bahasa Melayu Dewan* sedang memberikan tumpuan terhadap persoalan ini dan diharapkan dapat menjadi model terbaik penerapan unsur maklumat etimologi, sebutan dan maklumat nahu di dalam kamus.

Bahasa

Biasanya medium bahasa yang digunakan di dalam kamus ialah ekabahasa, dwibahasa dan pelbagai bahasa. Ini merupakan komponen penting dalam metabahasa sesebuah kamus.

Kamus Dwibahasa

Kamus dwibahasa ialah kamus yang menghubungkan kosa kata dua bahasa melalui terjemahan padanan untuk membolehkan para pengguna membaca atau menghasilkan teks dalam bahasa asing. Atau dengan kata lain, bahasa yang digunakan untuk memerikan kesemua butir leksikal adalah berbeza dengan bahasa objek yang dipilih sebagai entri kamus. Sejarah lahirnya perkamusan Melayu adalah dalam bentuk dwibahasa. Kamus Melayu terletak di tengah-tengah Renaissance Eropah sehingga menjadi perhatian para sarjana dan cendekiawan Eropah (Collins, 2001:26). Perkamusan Melayu bermula dengan disiplin yang agak longgar yang bukan bersifat kamus murni, tetapi lebih bersifat daftar kata atau *word list* dalam bahasa Inggeris atau *woordlijst* dalam bahasa Belanda. Bentuk daftar kata atau glosari yang mula-mula muncul dalam tradisi perkamusan Melayu adalah dalam bentuk dwibahasa.

Berdasarkan penemuan dan catatan tentang sejarah perkamusan Melayu itu, *A Chinese Vocabulary of Malacca Words and Phrases Collected between A.D. 1403 and 1511 (?)* atau himpunan 482 Daftar Kata Melayu-Cina yang dikumpul pada sekitar tahun 1403 hingga 1511 Masihi (Asmah Haji Omar, 1987:3) disifatkan sebagai daftar kata terawal. Senarai daftar kata ini jelas terakam sebelum kedatangan Portugis. Hal ini dapat dilihat pada senarai kata tersebut yang tidak dipengaruhi kosa kata Portugis.

Namun catatan Liang Liji (1994:2), menerusi dapatan seorang ahli leksikografi berbangsa Cina bernama Yang Quee Yee telah menjelaskan

lagi hakikat daftar kata Melayu-Cina tersebut. Mereka berpendapat bahawa daftar kata Melayu-Cina itu sebenarnya ialah *Man La Jia Gua Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Melaka) bukan hasil usaha keturunan Tiongkok di Malaysia, melainkan sumbangan orang Tionghua di Tiongkok. Liang Liji berpendapat bahawa daftar kata ini tidak disebut sebagai 'Senarai Perkataan Melayu' kerana penggunaannya lebih memenuhi keperluan hubungan diplomatik antara China dengan Kerajaan Melayu Melaka. Kata-kata yang termasuk sebagai kata masukan *Man La Jia Gua Yi Yu* yang berjumlah 482 patah perkataan tersebut dapat digolongkan kepada 17 kategori, iaitu astronomi, geografi, musim dan masa, tumbuhan, unggas, haiwan, rumah dan istana, alat perkakas, persona, peri kelakuan, tubuh badan, makanan dan minuman, barang emas dan permata, kemasyarakatan dan sejarah, warna, hitungan dan kata umum.

Penghasilan *Man La Jia Guo Yi Yu* ternyata lebih awal daripada daftar kata 426 Itali-Melayu yang disusun oleh Antonio Pigafetta, seorang pengembara yang turut belayar bersama-sama dengan Ferdinand Magellan pada tahun 1522. Daftar kata yang diberi nama *Vocaboli De Quuedti Popolo Mori* ini dikutip dari daerah Indonesia Timur, khususnya di Tidore. Pada waktu itu, pernah Sultan Ternate (jiran kerajaan Tidore) menghantar dua pucuk surat kepada raja Portugal pada tahun 1521 dan tahun 1522 yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah tersebar luas sebagai lingua franca di Asia Tenggara (Amat Juhari Moain, 1994:3).

Kini, naskhah kata Itali-Melayu ini tersimpan di Itali dan pada tahun 1938, telah diterjemahkan oleh J. Gonda ke dalam bahasa Belanda dengan judul *Pigafetta's Vocabularium van het Molukken Maleisch*. Hanya dua naskhah tentang sejarah awal perkamusan Melayu yang wujud sehingga abad ke-16, iaitu *Man La Jia Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Melaka) dan *Daftar Kata Itali-Melayu*, di samping dua daftar kata dan *vocabulaer* yang disusun seabad kemudian dalam *de Tweede Schipvaart*, 1598–1601 (A. Teeuw, 1961:4).

Keperluan untuk menghasilkan kamus secara intensif di alam Melayu, bermula dengan kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris. Walaupun alam Melayu sebelum itu didatangi oleh orang Cina, Hindu, Arab, tidak ada bukti sehingga kini tentang penghasilan daftar kata atau kamus kecuali 482 daftar kata Melayu-Cina pada abad ke-15. Penghasilan kamus dianggap penting untuk memudahkan komunikasi dengan masyarakat tempatan bersesuaian dengan latar belakang orang Barat yang kebanyakannya pedagang. Persaingan dagang antara Belanda dengan Inggeris juga mencetuskan konflik di alam Melayu sehingga penghasilan kamus dwibahasa

menjadi strategi percaturan mereka. Ternyata kedua-dua bangsa ini, iaitu golongan pedagang, pengembara, pegawai Syarikat Hindia Timur British atau Syarikat Hindia Timur Belanda, para mubaligh serta sarjana Belanda dan British telah mendominasi sebahagian besar daripada usaha penyusunan kamus sehingga abad ke-20. Ini dapat diperhatikan dengan kemunculan kamus dwibahasa Inggeris-Melayu/Indonesia dan kamus Belanda-Indonesia sepanjang tempoh tersebut.

Jumlah kamus dwibahasa yang dihasilkan di Malaysia dan di Indonesia mengikut pecahan bahasa sumbernya adalah seperti yang berikut:⁴

Bil.	Bahasa (Bahasa Sumber-Bahasa Sasaran)	Jumlah
1.	Inggeris-Melayu	212
2.	Cina-Melayu	75
3.	Arab-Melayu	37
4.	Belanda-Melayu	42
5.	Tamil-Melayu	9
6.	Jepun-Melayu	17
7.	Perancis-Melayu	19
8.	Thai-Melayu	10
9.	Latin/Portugis/Itali/Sepanyol-Melayu	10
10.	Jerman-Melayu	13
11.	Rusia-Melayu	7

Kamus dwibahasa sekan-akan menjadi norma dari dahulu sehingga sekarang, terutamanya dwibahasa Inggeris-Melayu (Asmah Haji Omar, 1974:4). Mungkin ini ada hubungannya dengan faktor sejarah, iaitu hubungan yang sudah lama terjalin antara Tanah Melayu dengan Britain. Walau bagaimanapun, dalam dekad mutakhir, penyusunan kamus dwibahasa semakin intensif, sesuai dengan lalu lintas ilmu dan ledakan maklumat dalam

4 Lihat Zainab Awang Ngah (1990) dalam bukunya *Perkamusan Melayu/Indonesia: Satu Bibliografi*.

pelbagai bidang. Pada abad ke-20, senario penyusunan kamus dwibahasa mengalami transformasi apabila muncul organisasi dan individu tempatan menerajui kerja-kerja penyusunan kamus. Penyusunan kamus dwibahasa yang sebelum itu dimonopoli oleh warga asing secara perlahan-lahan diisi oleh organisasi tempatan dan warga penutur asli bahasa Melayu persendirian bagi memenuhi tujuan kodifikasi bahasa pascamerdeka. Bagaimanapun, dalam era sebelum kemerdekaan, peranan warga asing masih menyerlah. Antara kamus dwibahasa yang dianggap penting yang disusun oleh sarjana British ialah *A Malay-English Dictionary*, susunan R.J. Wilkinson pada tahun 1901. Kamus ini boleh dianggap karya *magnum opus* kamus dwibahasa kerana sumbangannya dalam proses kodifikasi bahasa pada peringkat sebelum kemerdekaan.

Selain Wilkinson, R.O. Winstedt juga telah disifatkan sebagai seorang sarjana British yang paling produktif menyusun kamus dwibahasa Inggeris Melayu seperti *An English Malay Dictionary* pada tahun 1913, *Dictionary of Colloquial Malay* pada tahun 1920, *A Practical Modern Malay-English and English-Malay Dictionary* pada tahun 1952, *An Unabridged Malay-English Dictionary* pada tahun 1955, dan *An Unabridged English-Malay Dictionary* pada tahun 1958. Seterusnya, muncul W. G. Shellabear dengan kamus *An English-Malay Vocabulary* pada tahun 1902, dan *An English-Malay Dictionary* pada tahun 1916, *Vocabulary of the English and Malay Languages* susunan Frank Swettenham pada tahun 1910, *Easy Malay Vocabulary* susunan A. W. Hamilton pada tahun 1923, *A Pocket Dictionary of Colloquial Malay*, susunan A. E. Coope pada tahun 1954.

Organisasi penting yang merencanakan aktiviti penyusunan kamus dwibahasa ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). DBP telah menerbitkan *Kamus Dwibahasa* (Inggeris-Melayu) pada tahun 1979, dan dikemas-kinikan untuk edisi kedua pada tahun 2002. Seterusnya, muncul *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* pada tahun 1992, yang merupakan sebuah kamus aktif yang direka bentuk sebagai alat praktis bagi penterjemahan. Seterusnya, DBP telah menyusun *Kamus Perancis Melayu Dewan* pada tahun 1996, dan *Kamus Inggeris-Melayu Dewan, Edisi Ringkas* (1997). Usaha sedang giat dijalankan untuk menghasilkan *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* yang metabahasanya bersesuaian dengan format kamus pelajar sama ada dari sudut pemilihan entri, pengolahan makna atau sebagainya. Orientasi penyusunan kamus dwibahasa mula merentas kepelbagaian bahasa dan budaya bangsa. Bersesuaian dengan latar belakang masyarakat majmuk di Malaysia, timbul keperluan di pihak DBP untuk menyusun *Kamus Mandarin-*

Melayu Dewan dan *Kamus Tamil-Melayu Dewan* yang kini sedang memasuki fasa penyediaan draf. Selaras dengan visi DBP untuk menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, bahasa Asia Timur, dan bahasa dunia menjelang tahun 2020, kegiatan penyusunan kamus mula menerobos untuk keperluan supranasional. Usaha secara serius sedang giat dijalankan bermula dengan penyusunan *Kamus Thai-Melayu Dewan* serta *Kamus Perancis-Melayu Dewan* edisi kedua. Dalam satu dekad yang akan datang, usaha akan diperluas melalui penyusunan *Kamus Melayu-Kemboja*, *Kamus Melayu-Korea*, *Kamus Vietnam-Melayu*, *Kamus Itali-Melayu*, dan sebagainya.

Antara tahun 1970-an sehingga 1990-an, muncul kamus dwibahasa yang dihasilkan oleh organisasi dan individu tempatan seperti *Kamus Lengkap* (BM-BI) susunan Awang Sudjai dan Yusuf Khan, terbitan Pustaka Zaman pada tahun 1977; *Kamus Pelajar* (BM-BI) susunan Lutfi Abas dan Awang Sariyan terbitan Delta Publication pada tahun 1988; *Kamus Terjemahan Inggeris-Melayu*, susunan Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan, terbitan Utusan Publications pada tahun 1994; *Kamus Mega* (BM-BI) pada tahun 1997, terbitan Golden Book Store, dan *Kamus Perwira* (BM-BI) pada tahun 1998, susunan Kelana C.M. dan Lai Choy; *Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, pada tahun 2000; susunan A.S. Hornby, diterjemah oleh Asmah Haji Omar, terbitan Fajar Bakti. *Advanced Learner's English-Malay Dictionary* yang merupakan versi terjemahan daripada *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (OALD) disifatkan sebagai penyambung warisan Hornby.

Di samping itu, muncul kamus dwibahasa lain seperti yang berikut:

- a. Kamus dwibahasa Arab-Melayu seperti yang dihasilkan oleh penutur asli, iaitu Muhammad Said Sulaiman yang menyusun *Kamus Muhammad (Arab-Melayu)* pada tahun 1916, *Kamus Idris al-Marbawi: Arab Melayu* susunan Muhammad Idris Abdul Raof al-Marbawi pada tahun 1931. Kamus ini dianggap popular dan telah dicetak ulang sebanyak 24 kali. Di samping itu, muncul *Kamus Pustaka Melayu-Arab* susunan Abdul Latif pada tahun 1967. Penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu dianggap sebagai usaha untuk memenuhi keperluan menguasai bahasa Arab sebagai jambatan mendalami ilmu Islam. Tujuan tersebut lebih menyerlah berbanding dengan tujuan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Tidak hairanlah sebahagian besar daripada kamus Melayu ialah kamus Arab-Melayu dan bukan sebaliknya (Asmah Haji Omar, dlm. Zainab Awang Ngah, 1990:ix).

- b. Kamus dwibahasa Rusia-Melayu seperti *Kamus Bahasa Rusia-Bahasa Malaysia* susunan V. A. Pogadaev pada tahun 1986.
- c. Kamus dwibahasa Jepun-Melayu seperti *Kamus Bahasa Malaysia-Jepun* susunan Ashita Ray dan Karl J. Kanpmark pada tahun 1987.
- d. Kamus dwibahasa Thai-Melayu seperti *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Thai* susunan Aziz Muhammad Isa pada tahun 1987.

Kamus Ekabahasa

Dalam kamus ekabahasa, bahasa objek dan metabahasanya merupakan bahasa yang sama, atau dengan kata lain, kamus ekabahasa merupakan kamus yang mengandungi satu bahasa objek dan metabahasa yang dihuraikan tidak berbeza dengan bahasa objek. Permulaan perkamusan Melayu tidak terdapat dalam bentuk ekabahasa kerana bentuk sedemikian hanya dapat dihasilkan dan dimanfaati oleh orang yang mahir dalam bahasa itu, tegasnya penutur asli (Asmah Haji Omar, 1987:4). Keperluan akan kamus ekabahasa itu merupakan keperluan pada taraf yang lebih tinggi dari segi perkembangan intelek dan kehidupan sosial, dibandingkan dengan keperluan kamus dwibahasa. Bukti penting penglibatan penutur asli bahasa Melayu dalam dunia perkamusan Melayu bermula dengan Raja Ali Haji. Kemunculan kamus ekabahasa di alam Melayu bermula pada tahun 1858 dengan penghasilan *Kitab Pengetahuan Bahasa*, iaitu *Kamus Loghat Melayu Johor-Pahang, Riau Lingga Penggal yang Pertama*, susunan Raja Ali Haji. Kamus ini dianggap kamus ekabahasa tertua di alam Melayu. Kamus ini tidak dapat dianggap sebagai kamus murni dan sifatnya lebih berupa ensiklopedia untuk pelajar (Harimurti, 1975:17; Asmah Haji Omar, 1993:319). Seterusnya, muncul *Kamus al-Mahmudiah* pada tahun 1894, susunan Syed Mahmud Syed Abdul Kadir yang ditulis dalam tulisan Jawi. Seterusnya, *Kamus Melayu* susunan Shamsudin Muhd. Yunus pada tahun 1920. Ini diikuti dengan *Buku Katan P.Bm.P.B Diraja Johor* yang diterbitkan oleh Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-Buku Diraja Johor pada tahun 1936, susunan Major Dato' Haji Muhamad Said Sulaiman. Kamus ini diterbitkan secara bersiri yang memuat 10 ribu kata entri.

Di samping itu, muncul *Kamus Angkatan Baru* susunan Harun Muhammad Amin pada tahun 1951, *Kamus Am bahasa Melayu* susunan Che Yusof Ahmad *et al.*, pada tahun 1957, serta *Kamus Bahasa Melayu* susunan Richard Winstedt pada tahun 1960. *Kamus Bahasa Melayu* memperlihatkan beberapa ciri penting yang memenuhi fungsinya sebagai

sebuah kamus ekabahasa. Meskipun tidak dimuatkan beberapa maklumat linguistik, terdapat usaha pada diri penyusun untuk memasukkan beberapa unsur penting seperti maklumat asal usul kata, maklumat sinkronik, maklumat pemerian makna yang digarap bersesuaian dengan kehendak penutur asli bahasa Melayu.

Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 telah memberikan sumbangan besar dalam aktiviti penyusunan kamus ekabahasa. Kamus ekabahasa yang dianggap penting yang diusahakan oleh DBP meliputi *Kamus Dewan* pada tahun 1970, edisi baru pada tahun 1984, edisi kedua pada tahun 1989, dan edisi ketiga pada tahun 1994. *Kamus Dewan* disifatkan sebagai kamus yang paling autoritatif yang menjadi pegangan makna kosa kata bahasa Melayu sehingga kini. *Kamus Dewan* menjadi templat atau landasan bagi penyusunan kamus ekabahasa lain pada hari ini. Kamus ini menerapkan beberapa unsur konvensional leksikografi, terutama ciri-ciri yang memenuhinya sebagai sebuah kamus umum. Cakupan kosa katanya merangkumi kata umum, istilah, frasa idiomatik, dialek dan sebagainya. Kamus ini diperkaya dengan maklumat nahu, terutama penggarapan bentuk terbitannya, ayat contoh, pelabelan, pemecahan makna secara teliti, sebutan dan sebagainya. Walaupun kamus ini mempunyai kelemahan tertentu, kamus ini masih dianggap rujukan penting daripada aspek bahasa dan kosa kata sehingga kini. Selain itu, muncul *Kamus Bahasa Melayu Edisi Pelajar* pada tahun 1975 dan kemudian dikemas kini dengan nama *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* pada tahun 1987. DBP juga menerbitkan *Kamus Rendah Dewan Bergambar* pada tahun 1989. Kini, usaha sedang giat dijalankan untuk menerbitkan *Kamus Umum Bahasa Melayu Dewan* yang mendokumentasikan kosa kata bahasa Melayu sejak tahun 1900 serta diperkaya dengan pelbagai maklumat linguistik, maklumat ensiklopedik, maklumat onomastik dan sebagainya.

Pada waktu yang sama, muncul kamus ekabahasa lain yang diterbitkan oleh penerbit swasta seperti *Kamus Bahasa Melayu* (edisi kedua) pada tahun 1999, susunan Arbak Othman, terbitan Fajar Bakti; *Kamus Am* terbitan Crescent News pada tahun 1995; *Kamus Besar Bahasa Melayu* susunan Zainal Abidin Safarwan, terbitan Utusan Publications pada tahun 1995, *Kamus Melayu Global*, susunan Hasan Hamzah, terbitan Piramid Perdana pada tahun 1996 serta *Kamus Za'ba* terbitan Pustaka Antara pada tahun 2001. Rata-rata metabahasa kamus ini masih mengikut acuan *Kamus Dewan* sama ada dari sudut pemilihan kata masukan, cara takrif, pelabelan atau sebagainya. Ternyata *Kamus Dewan* bukan sahaja menjadi templat untuk penyusunan kamus ekabahasa DBP, malah menjadi templat untuk penyusunan kamus ekabahasa yang dihasilkan oleh penerbit lain.

Perkembangan yang berlaku dalam penyusunan kamus ekabahasa sebelum atau selepas *Kamus Dewan* tahun 1970, memperlihatkan beberapa senario penting. Pertamanya, sebahagian besar daripada penghasilan kamus ini dilakukan oleh organisasi atau penerbit tempatan. Ini memperlihatkan kemampuan para pengamal kamus tempatan untuk mengisi tuntutan kodifikasi bahasa yang semakin bertambah. Keduanya, terdapat kesedaran tentang pentingnya kamus sebagai sebahagian daripada aktiviti perancangan korpus bahasa. Penghasilan kamus ekabahasa dapat mengangkat martabat bahasa Melayu di pentas dunia sebagaimana yang berlaku kepada kamus ekabahasa Inggeris seperti *Oxford English Dictionary* di Britain atau *Webster's New International Dictionary of the English Language* di Amerika Syarikat.

Kamus Pelbagai Bahasa

Kamus pelbagai bahasa disifatkan menggunakan tiga atau lebih bahasa yang berbeza daripada bahasa objek yang dijadikan kata entri dalam kamus. Menurut Hartmann & James (1998:90), "Kamus pelbagai bahasa merupakan jenis karya rujukan apabila kosa kata daripada beberapa bahasa yang berkaitan antara satu sama lain melalui padanan terjemahan." Dalam tradisi leksikografi Melayu, kamus pelbagai bahasa bermula dengan *Spraeck ende Woord-boeck inde Maleysche ende Madgaskarsche Talen met vele Arabische ende Turessche Woorden* (Kamus Melayu-Madagascar-Arab-Turki) susunan Frederick de Houtman pada tahun 1603. Ini diikuti dengan *Dictionnaire Malai, Hollandais et Francais* susunan Marsden dan Elout pada tahun 1825, *A Vocabulary of English, Malay and Dayak in Sarawak* susunan William Chalmers pada tahun 1861, dan *Vocabulary of English, Malay and Melano* susunan John Tamar pada tahun 1867. Antara tahun 1900 sehingga 1990-an, muncul kamus pelbagai bahasa seperti *Petit Dictionnaire Francais-Hollandais-Malais* susunan G. Long dan B.B.G. Hochreutiner pada tahun 1906, *Thai-Malay-English Dictionary* susunan Wichian Tantraseney pada tahun 1986 dan *Kamus Tiga Bahasa Federal: Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Inggeris* susunan A. Aziz Rahman pada tahun 1987.

RUMUSAN

Ternyata, dari beberapa perspektif yang dihuraikan dalam artikel ini jelas bahawa dunia perkamusan Melayu di Malaysia sudah berdiri sama tinggi dengan dunia perkamusan Barat. Perspektif kamus yang dilihat berasaskan

fitur formalnya jelas mengungkapkan betapa perkembangan perkamusan Melayu seiring dengan perkembangan perkamusan sejagat. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dari sudut penggarapan beberapa maklumat linguistik, ini tidak bererti dunia perkamusan Melayu terus berada dalam dilema. Gleason (dlm. Zgusta, 1971:19) berpendapat bahawa “*The current practise of lexicography is largely a result of a slowly accreting tradition*”. Penyusunan kamus merupakan suatu proses yang panjang atau suatu tradisi yang dibina sedikit demi sedikit. Disiplin penyusunan kamus melibatkan pelbagai proses yang menuntut strategi kerja yang jelas dari segi falsafah penyusunannya, prosedur kerja yang komprehensif, serta dedikasi dan keterampilan yang tinggi di kalangan kumpulan penyusunnya. Oleh sebab itu, aktiviti penyusunan kamus bukanlah tugas sampingan, malah merupakan suatu kegiatan rutin yang terus berlangsung selama bahasa itu terus hidup.

RUJUKAN

- Amat Juhari Moain, 1994. “Sejarah dan Perkamusan Melayu di Nusantara”. Kertas kerja dalam Seminar Perkamusan Melayu, DBP, Kuala Lumpur, 20–21 Disember 1994.
- Asmah Haji Omar, 1987. “Perkamusan Melayu: Suatu Penilaian”. Kertas kerja Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya, 26 Januari 1987.
- Asmah Haji Omar. “The Descriptive-Prescriptive Dictionary: A Review Article of *Kamus Dewan* dlm. *Brunei Museum Journal*, 2:3, hlm. 177–90, 1970.
- Bausani, Alessandro. “Perbendaharaan Kata Itali-Melayu yang Pertama Kali” dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 510–69, November 1961.
- Bejoint, Henri, 2000. *Modern Lexicography: An Introduction*. Oxford University Press.
- Burchfield, W. (ed.), 1987. *Studies in Lexicography*. Oxford: Clarendon Press.
- Collins, James T. “Kamus Melayu dan Ilmu Perkamusan” dlm. *Dewan Bahasa*, Disember 2001.
- Collins, James T., 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaiian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmann, R.R.K., 2001. *Teaching and Researching Lexicography*. Pearson Education Limited.
- Hartmann, RR.K., James, Gregory, 1998. *Dictionary of Lexicography*. London dan New York: Routledge.
- Hartmann, R.R.K., & Stock, F.F., 1972. *Dictionary of Language and Linguistic*. London: Applied Science Publishers Ltd.
- Hausmann, F.J., & Wiegand, F. E., 1989. “Component parts and Structures of General Monolingual Dictionaries: A Survey” dlm. *Dictionaries: An International*

- Encyclopedia of Lexicography*. Berlin & New York: Walter de Gruyter.
- Ibrahim Ahmad. "Ranah Metaleksikografi: Suatu Persepsi Awal" dlm. *Dewan Bahasa*, Desember 2001.
- Ibrahim Ahmad. "Penggunaan Kamus dan Strategi Penyusunan" dlm. *Dewan Bahasa*, Mac 2001.
- Ibrahim Ahmad, 1994. *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilsou, Robert (ed.), 1985. *Dictionaries, Lexicography and Language Learning*. Pergamon Press.
- Jackson, Howard, 2002. *Lexicography: An Introduction*. London & New York: Routledge.
- Jackson, Howard, & Ze' Amvela, Etienne, 2000. *Words, Meaning and Vocabulary: An Introduction to Modern English Lexicology*. London & New York: Cassell.
- Kasimi Ali. M., 1977. *Linguistics and Bilingual Dictionaries*. Leiden: E.J. Brill.
- Kridalaksana, Harimurti, 2001. "Leksikologi dan Leksikografi". Kertas kerja dalam Penataran Leksikografi I. Kuala Lumpur: 13–16 Ogos 2001 di Kuala Lumpur.
- Liji, Liang, 1994. "Makna Kehadiran Kamus China-Melayu Yang Terawal di Abad ke-15". Kertas kerja dalam Seminar Perkamusan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 20–21 Desember 1994.
- Lipka, Leonhard, 1992. *An Outline of English Lexicology*. Max Niemeyer Verlag GmbH.
- Malkiel, Y., 1975. "A Typological Classification of Dictionaries on the Basis of Distinctive Features" dlm. Householder & Saporta, *Problems in Lexicography*. Bloomington: Indiana University.
- Newell, Leonard E., 1995. *Handbook on Lexicography for Philippine and Other Languages*. Manila.
- Seboek, T.A. "Materials for a Typology of Dictionaries" dlm. *Lingua II*, hlm. 363–74, 1962.
- Svensen, Bo., 1993. *Practical Lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Teeuw, A. "Tentang Kamus dan Perkamusan Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*, September 1964.
- Teeuw, A., & Emanuel, H.W., 1961. *Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*. S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Tomaszczyk, Jerzy (ed.), 1990. *Meaning and Lexicography*. Amsterdam: John Benjamin Publishing.
- Yusuf Hitam. "Kamus Melayu Sejak 1511" dlm. *Dewan Bahasa*, April 1961.
- Zainab Awang Ngah, 1990. *Perkamusan Melayu/Indonesia-Suatu Bibliografi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Zgusta, Ladislav, 1971. *Manual of Lexicography*. Mouton: Hague.